

MEMPERKASAKAN KEUSAHAWAN SOSIAL PRODUK MENSTRUASI BAGI MEMBASMI KEMISKINAN HAID

Rohaiza Rokis
Jabatan Sosiologi dan Antropologi,
Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Email: rohaiza@iium.edu.my

Sh Fatimah Syed Hussein
Jabatan Sosiologi dan Antropologi,
Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Email: fatimahalattas@iium.edu.my

Szariannie Sulaiman
Jabatan Sosiologi dan Antropologi,
Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Email: szariannie@iium.edu.my

Nor Faiza Mohd Tohid
Jabatan Kesihatan Komuniti, Kulliyah Perubatan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Email: faizahtohit@iium.edu.my

ABSTRAK

Agak aneh di abad ke-21 ini untuk kita terus membicarakan masalah kemiskinan haid dan pengurusannya yang hingga kini masih tidak dapat dikendalikan secara berkesan oleh kebanyakan masyarakat. Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) meletakkan Matlamat-1 untuk mengakhiri kemiskinan dalam segala bentuk walau di mana sahaja. Namun, kemiskinan haid masih berlaku kepada remaja perempuan dan wanita semenjak dahulu sehingga kini. Tidak mudah bagi mereka mendapatkan atau membeli produk menstruasi kerana kekangan kewangan. Dalam banyak keadaan, ia antara dua keperluan asasi – membeli makanan atau produk haid. Jika masalah untuk mendapatkan produk menstruasi tersebut tidak dipedulikan, ia memberi kesan negatif yang mengganggu gugat keseimbangan kehidupan wanita dan kesihatan awam. Walaupun Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia tidak melaporkan data secara khusus mengenai kemiskinan haid, kementerian tersebut mengakui bahawa perkara ini paling banyak dideritai oleh golongan wanita B40 di Malaysia. Kekurangan data menunjukkan bagaimana isu kemiskinan haid ini sering dipinggirkan di Malaysia. Berdasarkan dari sesi kajian perbincangan bermatlamat (focus group discussion), objektif utama kajian meninjau strategi keusahawanan sosial yang dilakukan oleh tiga organisasi keusahawanan sosial – BunPad, KotMe, dan AntPower (nama samaran kajian) dalam menangani isu kemiskinan haid di kalangan wanita yang kurang berkemampuan. Pengurusan menstruasi adalah perkara yang sangat penting kerana ia meletakkan halangan kepada realisasikan keseluruhan jenis hak asasi manusia, maruah wanita dan kesihatan umum.

Kata kunci: B40; Menstruasi; Kemiskinan bandar; Kemiskinan haid; Keusahawanan sosial; Wanita

LATAR BELAKANG

Kemiskinan haid merupakan permasalahan sosial lama tapi kurang diperbincangkan dalam arus perdana. Akibat tiada perbincangan yang serius, terdapat kes masyarakat di mana anak-anak gadis tidak sanggup pergi ke sekolah ketika sedang “datang bulan”. Mereka ponteng persekolahan kerana malu kebocoran haid. Secara semulajadinya mereka akan menerima haid sebulan sekali selama antara 5-10 hari. Maka selama tempoh tersebut juga lah mereka ponteng dari pergi ke sekolah. Ketidakupayaan mereka menguruskan menstruasi, iaitu antara perkara paling intim, keperluan serta rutin dalam hidup mereka, merupakan isu asas hak asasi manusia, martabat wanita, dan kesihatan awam. Jika kemiskinan haid tidak dibendung, seluruh struktur masyarakat secara umum kecundang, seperti pendidikan yang terbengkalai, kekurangan pekerja mahir, malahan melahirkan kitaran sistem kekeluargaan yang kucar kacir.

Isu menstruasi masih menjadi pantang larang dikalangan ramai orang. Apabila darah dan pertumpahan darah ketika mempertahankan negara dilihat penting untuk kelangsungan hidup umat manusia, menstruasi dianggap sebagai perkara yang “kotor”, “jijik”, atau “tercemar”. Hakikatnya, menstruasi merupakan suatu perkara fitrah, berterusan dalam satu tempoh dan merupakan identiti kepada setiap wanita. Lelaki tidak melalui pengalaman ini dan mereka tidak dapat memahami situasi emosi yang tidak menentu dan sakit seperti dihiris dibahagian perut. Pengalaman dan proses dalaman ini hanya dialami oleh remaja perempuan dan wanita. Menstruasi tidak dapat dielakkan dari terjadi kepada hampir semua wanita yang mana prosesnya bermula seawal akil baligh sehingga monopause yang wujud sejak permulaan kewujudan umat manusia lagi.

Namun, bagi masyarakat dari golongan miskin dan kurang bernasib baik, ia merupakan satu keperluan antara yang perlu dipilih samada membeli makanan atau produk haid. Jelas, mempunyai makanan di atas meja dan menghadapai menstruasi adalah

sama penting. Tetapi, ia berkaitan dengan keperluan harian serta keperluan bulanan. Mungkin kerana ini merupakan hal berkenaan kewanita, menstruasi ini seolah diketepikan, terutama dari ketua keluarga iaitu si bapa. Akibatnya, anak remaja kurang mendapat sokongan dan akses kepada produk menstruasi dalam keluarga mereka.

Berdasarkan dari sesi kajian perbincangan bermatlamat (*focus group discussion*), kajian menggabungkan usaha giat yang dijalankan oleh tiga usahawan keusahawanan sosial, iaitu BunPad, KotMe, dan AntPower (nama samaran kajian) yang bersungguh-sungguh cuba menyelesaikan masalah haid dengan menyediakan produk haid kepada remaja wanita yang terpinggir di seluruh Malaysia; tanpa kehilangan punca mendapatkan keuntungan usahaniaga yang tetap. Penulis menyarankan agar lebih usaha perlu dilakukan bagi memperkasakan organisasi ke arah keusahawanan sosial mengenai produk haid di Malaysia.

PENGENALAN

Artikel ini membicarakan isu kemiskinan haid dan pengurusan produk haid yang masih tidak dikendalikan secara berkesan di kalangan masyarakat Malaysia, terutama bagi golongan B40. Matlamat-1 dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bagi mengakhiri kemiskinan dalam segala bentuk walau di mana sahaja mungkin tidak dapat dicapai jika perkara asas seperti kemiskinan haid dan pengurusannya masih di takuk yang tidak munasabah. Maka, objektif utama artikel ini adalah untuk menyedarkan masyarakat tentang kemiskinan haid dan ketidakcekapan pengurusan produk haid membawa kepada masalah sosial seperti ketidakhadiran persekolahan di kalangan pelajar-pelajar perempuan akibat perasaan malu.

Produk haid menjadi satu isu kepada mereka yang mengalami kesempitan ekonomi dan wanita yang miskin apabila mereka datang haid. Setiap bulan, darah akan mengalir keluar tanpa henti dan akan bocor jika tidak diuruskan dengan baik. Apabila berlaku pendarahan dan kebocoran, ia merupakan perkara yang memalukan. Dalam kebanyakan situasi, remaja perempuan tidak menghadirkan diri ke sekolah. Dalam situasi yang lain, ada yang membuat keputusan untuk berhenti sekolah terutama apabila ibu bapa mereka berpendapat bahawa dapat membaca dan mengira sudah cukup buat mereka.

Ini agak keterlaluan buat rakyat Malaysia yang terpaksa melalui pengalaman ini. Pada dasarnya, hak mereka kepada akses pendidikan peringkat sekolah dan ke peringkat yang lebih tinggi ditutup hanya kerana mereka terpaksa menghadapi keadaan ini secara rutin, perubahan biologi semulajadi yang tidak dapat dielakkan terjadi pada setiap bulan. Apakah mereka perlu dipersalahkan kerana menjadi seorang wanita? Dari soalan kemanusiaan begini, kajian ini menumpukan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan menyediakan cadangan yang lebih sesuai dan praktikal dalam menangani masalah kemiskinan menstruasi. Perhatian ditumpukan kepada penerokaan usaha sosial yang dimainkan oleh tiga pertubuhan sosial niaga – BunPad, KotMer dan AntPower dalam memastikan produk haid dapat diakses oleh remaja perempuan dan wanita terutama dikawasan-kawasan terpencil di Malaysia.

Penglibatan sosial dan usaha yang tak disangka dan berani mereka wajar untuk dikaji dan dipelajari. Untuk sebab itulah, artikel ini dihasilkan untuk mendedahkan persediaan asas ketiga-tiga usaha sosial tersebut, pada masa yang sama, mengusulkan cadangan-cadangan yang berkaitan dalam menangani kemiskinan haid didalam negara dikalangan rakyat miskin dan kurang bernasib baik.

Secara khususnya, artikel ini mempunyai tiga tujuan: 1) Apakah pengalaman usaha sosial yang digunakan oleh BunPad, KotMer dan AntPower bagi menyelesaikan kemiskinan haid di kalangan remaja sekolah? dan 2) Apakah cadangan dan strategi dalam menangani kemiskinan haid?

TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Keusahawanan Sosial

Keusahawanan sosial merupakan suatu pendekatan hybrid di mana sesuatu inisiatif sosial dilakukan dengan menggabungkan antara matlamat keuntungan dan keperluan sosial bagi membantu masyarakat (Dees, 2018). Ia dilakukan samada menerusi penglibatan individu, kumpulan mahupun organisasi. Apabila dipraktik, menjadi kebiasaannya program keusahawanan sosial lebih mementingkan matlamat keuntungan sosial berbanding keuntungan kewangan. Strategi usahaniaga hanyalah medium untuk memastikan organisasi mempunyai dana yang mencukupi tanpa perlu bergantung kepada sumber luar (Wan Mohd Zaifurin dan Ibrahim Mamat, 2020) untuk terus beroperasi bagi melaksanakan program pembangunan masyarakat terpinggir yang berorientasikan matlamat sosial (*social driven*).

Apabila membincangkan mengenai keusahawanan sosial semestinya juga perlu menyentuh persoalan bagaimana untuk menjadikan sesuatu organisasi yang terlibat mampu terus kekal melaksanakan inisiatif sosial sama ada dari aspek organisasi, program dan memberikan bantuan kepada masyarakat. Organisasi tersebut perlu mencari jalan agar sentiasa dapat meneruskan program sosial tanpa hanya bergantung kepada kaedah tradisional, mengharapkan bantuan kewangan seperti derma, geran dan sumbangan sama ada dari orang ramai, sektor swasta dan juga pihak kerajaan. Keusahawanan sosial bukanlah khidmat sukarelawan mahupun aktivisma sosial (Dacin, et al., 2010).

Terdapat beberapa ciri asas yang mencerminkan sesebuah organisasi keusahawanan sosial. Pertama, keusahawanan sosial dapat memberi faedah kepada orang lain iaitu kelompok sasaran yang perlu dibantu. Keuntungan yang diperolehi hasil dari suatu usahaniaga disumbangkan semula kepada masyarakat berbanding kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*). Oleh itu, ia bukan sebuah organisasi usahaniaga yang berasaskan agihan keuntungan. Keuntungan yang diperolehi juga adalah untuk memastikan organisasi terus kekal (*sustainable*) untuk kelestarian program sosial seterusnya.

Keusahawanan Sosial Islam

Bermatlamatkan kepada kepentingan masyarakat umum, jelas keusahawanan sosial amat bertepatan dengan ajaran Islam. Ia adalah cabang aktiviti muamalat yang menjadi tuntutan fardhu kifayah masyarakat Muslim. Realitinya, keusahawanan sosial Islam wajib dilaksanakan kerana ia jelas dituntut oleh Allah SWT. Ia memupuk hubungan yang positif di antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan alam. Keusahawanan sosial Islam merujuk kepada program dan aktiviti yang dilakukan oleh usahawan Muslim untuk memenuhi keperluan sosio-ekonomi masyarakat.

Bidang keusahawanan sosial Islam masih lagi baharu di Malaysia. Ia merupakan satu alternatif kepada pengurangan masalah ekonomi dan masalah sosial melalui sumbangan idea, tenaga mahupun kewangan.

Menstruasi

Ia hanya dialami oleh golongan perempuan. Peralihan dari masa kanak-kanak kepada remaja dikenali sebagai tempoh akil baligh. Secara klinikal, akil baligh (*puberty*) berlaku apabila mereka mengalami pendarahan bulanan yang pertama (*menarche*), biasanya dalam lingkungan umur antara 12 hingga 14 tahun.

Kemiskinan

Kemiskinan merujuk kepada ketidakejahteraan, ketertinggalan dan kemunduran sesuatu masyarakat (Ibrahim Mamat *et al.* 2016). Komponen ekonomi sering menjadi ukuran penting tahap kemiskinan. Di Malaysia, kemiskinan dilihat dari dua aspek, iaitu kemiskinan mutlak dan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kekurangan pendapatan kasar bulanan untuk membeli keperluan minimum sesebuah isi rumah yang meliputi keperluan makanan, pakaian, tempat kediaman dan keperluan asas lain (Chamhuri, 2013), berdasarkan taraf pendapatan minimum atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan relatif pula merujuk kepada ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan yang diukur berdasarkan nisbah perbezaan pendapatan antara kumpulan pendapatan, kumpulan etnik, isi rumah bandar dan luar bandar serta peratus isi rumah dengan pendapatan (Chamhuri, *et al.*, 2016).

Kemiskinan Bandar

Definisi kemiskinan bandar merangkumi semua kekurangan keadaan persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal seseorang individu yang tinggal di bandar besar atau sekitarnya. Ini termasuk kekurangan peluang pekerjaan, mempunyai pendapatan rendah, serta terdedah kepada kelemahan kemudahan infrastruktur, prasarana asas dan perkhidmatan, serta persekitaran tidak selamat. Ini menjelaskan bahawa kemiskinan bandar merangkumi pelbagai dimensi fenomena serta sukar diatasi (Elledge, 2018).

Kemiskinan bandar berlaku apabila sektor bandar tidak mampu menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan wujud persaingan untuk mendapatkan pekerjaan bergaji lumayan (Nor Aini dan Chamhuri, 2003), tempat tinggal yang mampu dimiliki dan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh golongan tertentu di bandar. Maka, golongan yang mempunyai ciri yang tersebut boleh dikategorikan sebagai miskin. Ini termasuk penduduk asal bandar mahupun migran yang menganggur, hilang pekerjaan, sedang mencari pekerjaan, orang-orang tua, wanita dan kanak-kanak. Mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah, kurang kemahiran dan taraf kesihatan yang rendah (termasuk golongan kurang upaya) juga turut dikategorikan sebagai golongan miskin bandar.

Kemiskinan dan Keusahawanan Sosial

Pada hari ini, pelbagai usaha giat dijalankan oleh pelbagai pihak bagi menangani masalah kemiskinan dengan melibatkan mereka dalam program keusahawanan sosial. Namun, bagi sesetengah program, ia dikatakan gagal menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh golongan miskin kerana program yang dijalankan tidak menepati keperluan sebenar sesebuah komuniti.

Ini biasanya berlaku apabila program tidak berasaskan kepada keusahawanan sosial. Terdapat projek pembangunan yang dijalankan di Malaysia ditentukan oleh pihak penaja demi keuntungan ekonomi tanpa memikirkan keperluan kumpulan sasaran. Projek pembangunan ini tidak menepati keperluan dan kemampuan kumpulan sasaran serta gagal menyelesaikan masalah mereka. Pihak pemberi dana sering merancang projek pembangunan yang menumpukan kepada aspek ekonomi dan prasarana tidak mengkhususkan kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan. Ini mengakibatkan berlaku keciciran dari arus pembangunan di kalangan masyarakat yang memerlukan seperti ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, penganggur dan sebagainya (Wan Mohd Zaifurin dan Ibrahim Mamat, 2020).

Kemiskinan, Haid dan Keciciran Pendidikan

Masalah keciciran persekolahan disebabkan oleh kemiskinan yang berkaitan dengan haid ini bukan hanya berlaku di Malaysia, turut berlaku di beberapa negara lain. Di Asia Selatan, kajian menunjukkan terdapat kaitan antara kemiskinan, haid dan masalah ketidakehadiran pelajar di sekolah-sekolah di Bangladesh, India, Nepal (Benshaul-Tolonen *et al.*, 2020). Di India sahaja, 12% populasi wanita yang mengalami haid di negara mereka tidak mampu membeli barangan kebersihan peribadi (Chatterjee, 2006).

Menurut kajian lain, kanak-kanak perempuan berusia 11-17 tahun di Bangladesh melaporkan ketidakehadiran persekolahan yang tinggi (Alam, 2017), begitu juga di India (van Eijk *et al.*, 2016), dan di Nepal (Oster dan Thornton, 2012). Dalam kajian kumpulan fokus, beberapa gadis melaporkan bahawa mereka diusik dan dihina setelah mengalami kebocoran haid di sekolah akibat tidak memakai tuala wanita atau pad yang bersesuaian di sekolah (Muralidharan, 2018). Akibat dimalukan, ramai antara pelajar perempuan tersebut berhenti sekolah (Tegegne dan Sisay, 2014).

Malahan, kemiskinan haid merupakan masalah sedunia. Di United Kingdom, adalah dilaporkan bahawa 1:10 perempuan yang berumur di antara 14 hingga 21 tahun tidak mampu membeli barangan kebersihan haid, manakala 49% telah ponteng sekolah untuk satu hari akibat haid (UNFPA, 2020). Di Afrika, 1:10 perempuan ponteng sekolah kerana mereka tidak mempunyai akses dan tidak mampu membeli barangan kebersihan haid, atau kerana sekolah mereka tidak mempunyai tandas yang bersih dan peribadi (UNESCO, 2015). Di Kenya pula, terdapat 50% perempuan dalam umur persekolahan tidak mempunyai akses atau tidak mampu membeli barangan kebersihan peribadi (AFP, 2020).

Di Malaysia pula, pengalaman yang sama turut dialami oleh pelajar perempuan di sekolah yang jauh dari bandar. Kebiasaannya, ini berkait rapat dengan masalah kemiskinan keluarga. Laporan dari 'All Women's Action Society' (AWAM) berkata haid merupakan salah satu stigma untuk dibicarakan secara terbuka. Kwan (2020) menyatakan bahawa terdapat pelajar perempuan di kawasan luar bandar tidak hadir ke sekolah kerana tidak mempunyai tuala wanita akibat terdapat kesan darah di pakaian seragam mereka. Ini mengakibatkan mereka terlalu malu dan ponteng sekolah. Didasarkan kepada hal yang tersebut, terdapat usaha beberapa pihak dalam memperkasakan keusahawanan sosial bagi menghasilkan produk menstruasi. Bagi mereka masalah keciciran sekolah bagi pelajar perempuan harus dan perlu segera diatasi.

Walaupun tiada data tentang masalah kemiskinan haid di Malaysia hingga kini, terdapat lebih banyak perhatian daripada media dan usaha untuk menyebarkan kesedaran dan membantu golongan perempuan dan wanita yang memerlukan pertolongan (Gawell and Sundin, 2013; Henry, et al., 2015). Yang pasti, perlu ada rangka kerja yang jelas tentang isu jantina dan keusahawanan sosial bagi wanita (Brush, 2019; Wilson, 2015) dalam menangani menstruasi dan kemiskinan haid serta pengurusannya.

Kaedah dan Metodologi

Artikel ini dihasilkan dari sesi perbincangan kumpulan fokus yang terdiri daripada pemilik pertubuhan-pertubuhan dan/atau aktivis-aktivis sosial yang juga pengusaha perniagaan. Untuk konteks etika, nama samaran telah digunakan sebagai BunPad, KotMe dan AntPower. Pengumpulan data telah dijalankan pada Jun 2021 secara maya. Peserta-peserta kaji selidik merupakan kalangan aktivis sosial kemiskinan haid, ahli bukan pertubuhan kerajaan, wakil dari kerajaan, tokoh-tokoh akademik universiti dan termasuk penyelidik. Mereka bergabung dan bekerjasama atas platform yang sama dengan tujuan yang sama iaitu membincangkan masalah kemiskinan haid di Malaysia dan mencari strategi atau pendekatan yang terbaik dalam mengatasinya.

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Organisasi 1 - AntPower

Pada awalnya AntPower telah memulakan usahaniaga yang bertujuan untuk keuntungan semata. Menyedari akan kepentingan isu memelihara alam sekitar, mereka menghasilkan produk haid biodegradasi. Tujuan utama AntPower terhadap usahaniaga produk menstruasi berdasarkan kesedaran bahawa terdapat ramai wanita diluar sana sukar mendapatkan produk menstruasi. Pada awalnya projek bermula apabila pendakwah Kristian di Sabah meminta AntPower untuk membekalkan 33 set produk haid untuk diagihkan kepada remaja perempuan yang miskin. Pendakwah tersebut mencari penyelesaian untuk tempoh jangka masa panjang, bukan yang hanya bersifat sementara. Setelah kajian lanjut dibuat, AntPower menyedari bahawa 33 produk haid tersebut diagihkan kepada remaja-remaja perempuan yang berasal dari kawasan pedalaman Sabah, dimana persatuan pendakwah Kristian telah menjadikan mereka sebagai anak angkat untuk persekolahan. Ke semua mereka ditempatkan di asrama sekolah.

Selain daripada itu, kesemua remaja-remaja perempuan tersebut yang berumur antara 13 hingga 14 tahun diberikan peluang untuk mendapat pendidikan di sekolah dengan sempurna kerana mengikut rekod mereka kerap tidak hadirkan diri ke sekolah sebelum itu. Atas dasar ingin tahu, AntPower mendapati bahawa punca utama ketidakhadiran para pelajar tersebut adalah kerana masalah kebocoran haid. Kejadian tersebut telah membuka mata pemilik Ant Power. Dari peristiwa itu, ia menjadi titik permulaan kepada AntPower untuk memulakan usaha memperkasakan keusahawanan sosial. Namun, pihak syarikat sedar mereka memerlukan sokongan dari pihak lain dalam meneruskan usaha tersebut agar dapat sentiasa berterusan. Usahaniaga masih memerlukan penajaan keuntungan tetapi pada masa yang sama perlu memenuhi keperluan masyarakat.

Penglibatan awalnya yang kerana atas dasar permintaan, usaha AntPower kemudiannya diteruskan ke peringkat seterusnya. Di dapati ramai golongan wanita muda di Malaysia Timur mengalami masalah pendarahan bulanan (haid) tanpa pengurusan yang sewajarnya. Dihimpit kemiskinan yang kritikal, ada kalangan mereka menggunakan sabut kelapa yang dimasukkan ke dalam stoking lama dijadikan sebagai alas haid. Dari situasi itu, ia menjadi satu titik perubahan kepada AntPower untuk lebih melibatkan diri dalam usaha ini.

Kini, AntPower sebagai sebuah organisasi sosial-merangkap-usahaniaga mempunyai enam kilang sosial di seluruh Malaysia. Pengeluaran utama AntPower alas haid yang berasaskan biodegrasi. Ia diperbuat daripada bahan fiber seperti buluh, batang pisang dan nenas. Produk haid mereka telah melalui peringkat penyelidikan yang telah diiktiraf dari sudut kebersihan dan ketahanan, produk haid AntPower boleh dikatakan mampu digunakan sehingga 5 ke 7 tahun. Ini bermakna, alas haid ini boleh digunakan sepanjang tempoh dari pelajar tingkatan 1 hingga mereka berada di tingkatan 5. Untuk pengetahuan, penghasilan produk haid bermutu dari AntPower menelan kos sehingga RM200 setiap set.

Terkini, AntPower telah mengedarkan produk haid biodegrasi ini kepada remaja perempuan di kalangan penduduk asli di kawasan terpencil Sabah dan Sarawak. Sebenarnya, mereka mendapati bahawa remaja perempuan di Malaysia Timur lebih menunjukkan penghargaan terhadap usaha mereka berbanding mereka yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Ketika prosedur pemantauan dibuat, kumpulan kedua tidak menggunakan alas haid tersebut atas pelbagai alasan. Dari kejadian itu, ia telah mematahkan motivasi usaha AntPower, dan memutuskan untuk hanya menumpukan kepada kelompok kumpulan pertama sahaja.

Setakat ini, AntPower telah bekerjasama dengan hampir 18 komuniti di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan sokongan dari Majlis Belia Orang Asli Malaysia.

Organisasi 2 – BunPad

BunPad merupakan sebuah badan sukarelawan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang terhasil dari pengalaman penangung ketika menyertai misi sukarelawan di Bangladesh beberapa tahun dahulu. Beliau mendapati masalah yang sama di mana terdapat di kalangan pelajar perempuan berhenti persekolahan akibat malu dengan proses tumbesaran hidup yang mereka alami.

Dengan satu tekad, pengasas BunPad kemudiannya membangunkan modul dengan menghasilkan sendiri tuala wanita boleh dicuci menggunakan kain kapas. Aspek budaya dan cara hidup perlu diambilkira. Beliau mendapati perempuan di sana tidak memakai seluar dalam. Justeru, rekabentuk produk pad perlu lah bersesuaian dengan kebiasaan masyarakat.

Dari situ, beliau mempelopori projek keusahawanan serampang dua mata iaitu mengurangkan kadar pelajar perempuan ponteng ke sekolah ketika haid dan memberi peluang pekerjaan kepada ibu tunggal yang kurang berkemampuan dengan menjadi penjahit tuala wanita yang boleh dicuci.

Sekembali beliau ke tempat kelahiran beliau di Sandakan, Sabah, beliau mendapati hal yang sama turut dialami oleh pelajar perempuan di sana. Pada mulanya tidak merancang menjalankan projek tuala wanita itu di Malaysia. Namun atas dasar empati dan keperluan yang jelas, beliau turut memperluaskan projek keusahawanan sosial di Sabah.

Organisasi 3 – KotMe

Atas dasar yang sama, pengasas KotMe turut terlibat dalam program dan aktiviti keusahawanan sosial bersama rakan-rakan NGO yang selalu mengunjungi kawasan pedalaman Orang Asli di Kelantan. Mereka mendapati kebanyakan pelajar perempuan dan wanita Orang Asli hanya menggunakan kain buruk ketika haid. Agak megejutkan beliau apabila perkara yang sama juga berlaku kepada penduduk bukan-Orang Asli di Pasir Mas.

Secara pantas beliau bertindak dengan membekalkan sekotak bahan keperluan lain bersama pads untuk disumbangkan kepada sekolah dan masjid. Pada awalnya, tindakan beliau dianggap memalukan kerana haid dan pemberian pad dianggap hal peribadi yang tidak perlu diperkatakan. Namun, beliau berazam untuk tidak diperkotak-katikan. Beliau yakin tindakan ini amat perlu.

Masih ramai antara penduduk kampung mempunyai mentaliti bahawa membeli bahan makanan adalah lebih utama dari pembelian pad. Menyedari hal ini, beliau merasakan kesedaran perlu diberikan kepada ketua keluarga, bahawasanya pemberian pad kepada anak perempuan mereka lebih penting dari “membeli sekotak rokok”.

Sebenarnya agak sukar untuk menukar pemikiran kolot seseorang individu yang masih yakin bahawa dengan penggunaan kain batik bagi menggantikan pad. Sebenarnya mereka tidak memahami tentang perubahan masa yang merubah corak aktiviti seharian wanita sekarang di mana ia memerlukan kecergasan dan kepantasan. Di samping proses membasuh, mengering dan menggunakan kain batik akibat haid adalah sangat remeh dan tidak bersih, daya serapan kain batik yang sangat tidak meyakinkan adalah tidak sesuai di zaman moden yang serba serbi perlu pantas dan cergas.

Jika akses ada sekalipun, di lain keadaan, terdapat antara mereka terpaksa menggunakan satu pad sahaja satu hari. Gadis dan wanita muda ini telah diminta oleh ibu mereka supaya berjimat dengan pemakaian pad, disebabkan kerana harga yang mahal. Jelas, perkara yang dianggap normal dan biasa sahaja bagi sesetengah wanita, ia mungkin satu masalah yang sangat serius kepada kumpulan wanita yang lain.

Pengasas KotMe yakin, keadaan ini dapat diatasi jika keperluan ekonomi diatasi. Pemikiran perlu berubah mengikut keperluan semasa. Kebersihan pula adalah perkara utama dalam kehidupan.

PERBINCANGAN KAJIAN

Keusahawanan sosial memerlukan kesedaran oleh ramai pihak kerana pada kini pelbagai cabaran dihadapi oleh semua orang di semua peringkat. Keadaan ini lebih menjadi teruk kepada golongan yang kurang bernasib baik dan golongan yang berpendapatan rendah. Justeru, akan lebih banyak keperluan untuk pelbagai pihak dan agensi melibatkan diri dalam program keusahawanan sosial.

Proses pemantauan sangat perlu untuk memastikan setiap keperluan golongan sasaran dapat dipenuhi secukupnya dan bersesuaian dengan keperluan mereka. Ia memerlukan masa untuk mendidik masyarakat untuk lebih peka dan mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mereka melibatkan diri dalam tanggungjawab keusahawanan sosial di pelbagai peringkat pada tingkat kemampuan masing-masing. Ia merupakan proses yang berterusan dan untuk itu, sokongan dari pelbagai pihak harus ada bagi memastikan syarikat-syarikat terlibat dapat terus menyumbang pada masa yang sama mampu menjana keuntungan. Usaha ini memerlukan lebih ramai pasukan untuk turut serta memberi sokongan dari segala segi agar tujuan pembasmian kemiskinan, keciciran pelajaran dikalangan remaja perempuan dapat dikurangkan seterusnya dihapuskan. Pihak kerajaan serta agensi berkaitan mungkin boleh memberi pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha yang terlibat agar beban boleh dikurangkan.

Tuala wanita biodegradasi mesra alam sekitar yang dihasilkan dari sisa tanaman harus giat diusahakan supaya ianya boleh digunakan secara lebih meluas dan seterusnya pada masa yang sama dapat menyumbang kepada golongan sasaran. Selain itu, penghasilan tuala wanita biodegradasi secara tidak langsung memberi kesan yang baik kepada pemeliharaan alam sekitar. Sebagai contoh, kilang dan industri yang dibangunkan oleh Marxisme autonomi Itali pada tahun 1960-an membantu mengembangkan konsep keusahawanan sosial secara jelas. Penganalisa mendapati hubungan sosial kapitalis mengembangkan keperluan ekonomi selari dengan kehendak sosial masyarakat (Tronti, 1962). Pengkaji lain mendapati konsep penubuhan kilang sosial ini banyak membantu perkembangan hidup yang lebih mampan di kalangan masyarakat Itali pada ketika itu (Thoburn, 2003). Walaupun kilang sosial mungkin tidak wujud di Malaysia, ciri konsep keusahawanan sosial perlu diteruskan.

Antara kesimpulan penting dari perbincangan kajian merangkumi:

- Dalam kes pemeraksanaan keusahawanan sosial produk menstruasi bagi membasmi kemiskinan haid, ia memerlukan lebih ramai usahawan yang sedar akan tanggungjawab sosial mereka.
- Ramai pelajar perempuan yang tidak berkemampuan mempunyai perasaan rendah diri rendah, yang menyumbang kepada keciciran sekolah, terutamanya apabila rakan-rakan mentertawakan mereka kerana kebocoran haid.
- Semua pihak yang terlibat terutama guru dan pentadbiran sekolah perlu memantau masalah ketiadaan pad di kalangan pelajar perempuan.
- Usahawan sosial yang lain perlu mencontohi BunPad, KotMe dan AntPower dalam menghasilkan pad terbiodegradasi dari sisa tanaman untuk melindungi persekitaran.
- Keusahawanan sosial melibatkan usahaniaga yang memberi keuntungan, namun keperluan sosial masyarakat yang diutamakan bagi memberi penyelesaian masalah sosial dengan kesan jangka masa panjang.
- Ia memerlukan kesedaran kemasyarakatan yang tinggi dan mungkin mengambil masa untuk mendidik ahli masyarakat terhadap keperluannya.
- Pihak kerajaan juga perlu memberi inisiatif yang boleh terus memberangsangkan inisiatif keusahawanan sosial seperti memberi pelepasan cukai.
- Masyarakat Muslim perlu lebih maju ke hadapan untuk merebut peluang melibatkan diri samada secara langsung atau tidak langsung dalam keusahawanan sosial. Ia merupakan fardhu kifayah.

SUMBANGAN KAJIAN DAN PENUTUP

Penubuhan kilang sosial mungkin asing dan mustahil di Malaysia. Tetapi konsep keusahawanan sosial amat perlu diperluaskan di negara membangun seperti Malaysia. Keusahawanan sosial tampil untuk mencari penyelesaian yang berterusan bagi masalah sosial demi kemajuan sosial masyarakat. Ia amat bertepatan dengan hasrat kerajaan terhadap Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG).

Selari dengan itu, bagi negara yang sudah maju seperti Jepun, Sweden dan sebagainya, sepatutnya turut melaksanakan konsep keusahawanan sosial melebihi jangkauan sempadan negara. Penyelesaian masalah sosio-ekonomi merupakan isi global. Glokalisasi ditetapkan untuk "berfikir secara global dan bertindak secara tempatan". Kerangka pemikiran ini berfungsi dengan baik dengan konsep keusahawanan sosial yang mempercayai pembentukan dan pertumbuhan kemahiran keusahawanan global yang dapat mengatasi cabaran sosial tempatan dalam mewujudkan nilai sosial dan ekonomi yang mampan.

Kehidupan tidak sepatutnya hanya menitikberatkan kepada material untuk 'menjana keuntungan' sebagai tujuan tunggal, tetapi yang lebih utama ialah mendorong manusia untuk berfikir secara aktif dan kritis terhadap perkara kehidupan yang realistik. Glokalisasi memberi inspirasi kepada perubahan dalam setiap peringkat kitaran hidup keusahawanan bagi menyelesaikan masalah sosial demi kelestarian antara kehidupan material dan kesejahteraan sosial.

Bagi masyarakat Malaysia, pengalaman terpaksa meninggalkan persekolahan tidak sepatutnya berlaku – apatah lagi jika disebabkan oleh suatu proses tumbesaran semulajadi yang tidak dapat diubah sama sekali. Kemiskinan haid, menstruasi dan pengurusan haid adalah isu kemanusiaan. Usahaniaga yang dilakukan oleh tiga pertubuhan sosial niaga – BunPad, KotMer dan AntPower sepatutnya dilebarkan dan diusahakan kerana mereka menyediakan cadangan yang lebih sesuai dan sangat praktikal dalam menangani masalah kemiskinan haid. Perhatian perlu terus ditumpukan kepada penerokaan usaha sosial yang dimainkan oleh dalam memastikan produk haid dapat diakses oleh remaja perempuan dan wanita terutama dikawasan-kawasan terpencil di Malaysia.

Organisasi dan komuniti perlu berganding bahu untuk menyebarkan kesedaran tentang isu ini. Masyarakat perlu memainkan peranan untuk menyediakan keperluan perempuan dan wanita yang bergelut dengan kemiskinan haid.

Namun, hasil kajian yang dibentangkan dalam artikel masih perlu ditambahbaik memandangkan ia hanya berdasarkan data ringkas dari tiga organisasi. Data tersebut masih perlu diperkembangkan ke arah memperkasakan penglibatan masyarakat secara keseluruhan agar kemiskinan haid dan pengurusan produk haid dapat dibasmi. Perkara ini bukan isu wanita, ia merupakan isu masyarakat keseluruhan.

PENGHARGAAN

Penulisan artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian FRGS19-185-0794. Para penulis ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di atas penganugerahan geran tersebut.

Rujukan

- AFP Relaxnews. (2020). *What Is Period Poverty*. <https://www.wikiimpact.com/breaking-the-hush-hush-about-period-poverty/>. Retrieved 18 October 2021.
- Alam, G.M. (2017). Livelihood Cycle and Vulnerability of Rural Households to Climate Change and Hazards in Bangladesh, *Environment Management*, 59(5); 777-791
- Benshaul-Tolonen, A., Zulaika, G., Sommer, M., dan Phillips-Howard, P.A. (2020). Measuring Menstruation-Related Absenteeism Among Adolescents in Low-Income Countries. In Bobel, C. Winkler, I.T., Fahs, B., Hasson, K.A., Kissling, E.A., dan Roberts, T.A. (Eds.). *Handbook of Critical Menstruation Studies*. Singapore: The Palgrave
- Brush, C. G. (2019). A gender-aware framework for women's entrepreneurship. *Entrepreneurship and Context*, 92-108
- Chatterjee, CB. (2006). *Identities in Motion; Migration and Health In India*. The Centre for Enquiry into Health and Allied Themes (CEHAT), Mumbai.
- Chamhuri, S., Ferdoushi, A., Ahmad, B. dan Muhd Shahin, M. (2016). Urbanization and Urban Poverty in Malaysia: Consequences and Vulnerability. *Journal of Applied Sciences*, 16(4)
- Dacin, P. A., Dacin, M. T. and Matear, M. (2010). Social Entrepreneurship: Why We Don't Need a New Theory and How We Move Forward From Here. *Academy of Management Perspectives*, 24(3), 37-57
- Dees, J. G. (2018). The Meaning of Social Entrepreneurship. *Case Studies in Social Entrepreneurship and Sustainability*, 22-30
- Elledge, M. (2018). Menstrual Hygiene Management and Waste Disposal in Low and Middle Income Countries – A Review of the Literature. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15 (11), p. 2562
- Gawell, M., & Sundin, E. (2013). Social Entrepreneurship, Gendered Entrepreneurship? *International Studies in Entrepreneurship Social Entrepreneurship*, 273-291
- Henry, C., Foss, L., Fayolle, A., Walker, E. and Duffy, S. (2015). Entrepreneurial Leadership and Gender: Exploring Theory and Practice in Global Contexts. *Journal of Small Business Management*, 53(3), 581-586
- Ibrahim, Aslina dan Wan Mohd Zaifurin. (2016). Projek Keusahawanan Sosial dapat Memenuhi Keperluan Penduduk Miskin dan Miskin Tegar. *International Journal of Business and Technopreneurship (IJBT)*, Vol. 6; 147-165
- Kwan, F. (2020). *The Painful Reality of Period Poverty in Malaysia*. Free Malaysia Today
- Muralidharan, A. (2018). *Management of Menstrual Waste-Insights from India and Pakistan*. India: WaterAid India, Menstrual Health Alliance India
- Nor Aini, I. dan Chamhuri, S. (2003). *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Tegegne, T.K. dan Sisay, M.M. (2014). Menstrual Hygiene Management and School Absenteeism among Female Adolescent Students in Northeast Ethiopia. *BMC Public Health*, 14:1118
- Thoburn, N. (2003). *Deleuze, Marx and Politics*. London: Routledge

- Tronti, M. (1962). *Factory and Society*. Operaismo in English. Retrieved 6 May 2017
- UNESCO. (2015). *Puberty education & menstrual hygiene management*.
- UNFPA. (2020). *Menstruation and human rights – Frequently asked questions*. United Nations Population
- van Eijk, A.M., Garazi, Z., Lenchner, M., Mason, L., Sivakami, M., Nyothach, E. Unger, H., Laserson, K., and Phillips-Howard, P.A. (2019). Menstrual Cup Use, Leakage, Acceptability, Safety, and Availability: A Systematic Review and Meta-analysis. *Public Health*, 4(8); 376-393
- Wan Mohd Zaifurin dan Ibrahim Mamat. (2020). Pengaruh Faktor Peramal Terhadap Kecenderungan Kerjaya Keusahawanan: Kebaikan Pekerjaan Keusahawanan Sebagai Pengantara. *Sains Humanika*, 12(2); 61-69
- Wilson, K. (2015). *Towards a radical re-appropriation: Gender, development and neoliberal feminism*. International Institute of Social Studies
- Oster, E. dan Thornton. 2012. Determinants of Technology Adoption: Peer Effects in Menstrual Cup-uptake. *J.Eur.Econ.Assoc*, 10;1263-1293